

(S)04/C/P/NKD/656/2/Jil.2/2006

22 Ogos 2006

Pk (EL) MPOB 04/2006

Semua Pemegang Lesen Kategori Tapak Semaian

Tuan

**PENGUATKUASAAN GARIS PANDUAN PENYEDIAAN TAPAK SEMAIAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT SEBAGAI SYARAT LESEN KHUSUS YANG DIKENAKAN KE ATAS KATEGORI TAPAK SEMAIAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Pengukuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3. Syarat 4, syarat-syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaihan mengkehendaki pemegang lesen mematuhi sekurang-kurangnya garis panduan minima yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Pengeluaran dan Penyenggaraan Secara Komersial Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Biji Benih Bercambah atau apa-apa garis panduan lain yang ditentukan oleh Lembaga. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Lembaga kali ke-34 telah diperakukan dan ditentukan oleh Lembaga sebagai garis panduan yang hendaklah dipatuhi. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Pengukuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2006** yang memperincikan syarat khusus tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat khusus dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan pengukuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

**“MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH”**

Yang benar,

**DATO' DR MOHD BASRI WAHID**  
Ketua Pengarah  
MPOB

 <b>MPOB</b>	<b>LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA</b> <b>BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN</b> <b>PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB</b>
--	---

Rujukan Pekeling	:Pk (EL) MPOB 04/2006
Tarikh Kuatkuasa	: 01 SEPTEMBER 2006
Perkara	<b>PENGUATKUASAAN GARIS PANDUAN PENYEDIAAN TAPAK SEMAIAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT</b>

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit sebagai syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaian.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 28 Mei 2005, satu majlis dialog telah diadakan bersama pengusaha-pengusaha tapak semaian untuk membincangkan cadangan Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit.
- 2.2 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-34 telah memutuskan untuk pelaksanaan Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit tersebut.

## 3.0 SYARAT LESEN KHUSUS

- 3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat am dan syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaian iaitu bagi aktiviti menghasilkan anak benih kelapa sawit, menjual dan mengalih anak benih kelapa sawit, menyimpan biji benih kelapa sawit, menyimpan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit dan menyimpan anak benih kelapa sawit sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.
- 3.2 Syarat 4, syarat-syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaian mengkehendaki pemegang lesen mematuhi sekurang-kurangnya garis panduan minima yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Pengeluaran dan Penyenggaraan Secara Komersial Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Biji Benih Bercambah atau apa-apa garis panduan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

### JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 3.3 Sehubungan dengan itu, **Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit** yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Lembaga kali ke-34 telah diperakucas dan ditentukan oleh Lembaga sebagai garis panduan yang hendaklah dipatuhi sebagaimana syarat 4, Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaian.
- 3.4 **Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit** adalah seperti di Lampiran I.

**4.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2006 [Pk (EL) MPOB 04/2006] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori tapak semaian.

**5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 September 2006.

**6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN**

**DATO' DR MOHD BASRI WAHID**  
**Ketua Pengarah**  
**MPOB**

Tarikh:

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>

## LAMPIRAN I

### GARIS PANDUAN PENYEDIAAN TAPAK SEMAIAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT

Tapak semaihan hendaklah disediakan berpandukan kemudahan infrastruktur seperti berikut:

1. Kawasan tanah tapak semaihan sebaik-baiknya hendaklah mempunyai topografi samada rata, rata ke landai atau beralun yang kecerunannya tidak melebihi 15% atau 1:7.
2. Kawasan tapak semaihan hendaklah mempunyai saliran atau parit supaya bebas daripada kemungkinan dilanda banjir atau keadaan air bertakung.
3. Kawasan lapang sekurang-kurangnya 10m daripada sempadan setiap barisan terakhir anak benih sawit sekeliling kawasan tapak semaihan hendaklah dibakikan bagi memastikan anak benih bebas daripada naungan pokok tanaman kekal atau pokok hutan.
4. Tapak semaihan hendaklah mempunyai sumber bekalan air tetap dan tidak tercemar untuk kegunaan penyiraman anak benih sawit.
5. Keluasan tapak semaihan yang disediakan hendaklah mencukupi iaitu pada bila-bila masa boleh menampung kepadatan maksimum anak benih sawit dengan saiz, ketebalan dan jarak susunan polibeg mengikut umur anak benih seperti berikut:

Umur Benih (Bulan)	Saiz Dan Ketebalan Minimum	Jarak Susunan Minimum	Kepadatan Maksimum / Hektar
<b>Tapak Semaian Besar</b>			
4 hingga kurang 10 bulan	31cm x 38cm (12" x 15") 500 gauge	0.75m x 0.75m x 0.75m	20,444
10 hingga 14 bulan	38cm x 45cm (15" x 18") 500 gauge	0.9m x 0.9m x 0.9m	14,197
Lebih 14 bulan	60cm x 75cm (24" x 30") 500 gauge	1.5m x 1.5m x 1.5m	5,111

6. Anak benih yang ditakai hendaklah dimusnahkan dengan memotong pendek ke pangkal tidak kurang 2 cm dari perdu pokok.
7. Tempat membuang atau memusnahkan anak benih yang telah dipotong hendaklah disediakan dan ditunjukkan kepada Pegawai Diberi Kuasa MPOB bila dan apabila dikehendaki.
8. Peruntukkan kawasan tapak untuk menempatkan stor racun dan input pertanian lain hendaklah diadakan.
9. Peruntukan kawasan tapak untuk menempatkan injin pam siraman anak benih sawit hendaklah diadakan.
10. Pemohon hendaklah mempunyai premis / tempat untuk mengendali dan menyimpan rekod aktiviti pengurusan tapak semaian.
11. Pemohon hendaklah menyatakan daripada mana sumber bekalan tanah untuk polibeg dari jenis loam liat ke gembur akan diperolehi.
12. Kawasan tapak semaian hendaklah disediakan dengan perlindungan seperti pagar, parit atau lain-lain struktur binaan untuk mengelak anak benih sawit daripada dimusnahkan atau diceroboh oleh haiwan atau lain-lain perosak.
13. Setiap plot semaian mesti mempunyai papan tanda yang mempunyai maklumat no. plot, tarikh semai, jumlah polibeg, tarikh alih & sumber biji benih.
14. Pemohon hendaklah meletakkan papan tanda di luar premis yang mengandungi maklumat nama syarikat, alamat premis, no. lesen MPOB, no. telefon & no. faksimili (jika ada).